

NAMA : TINGKATAN :

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2010

1249/2

SEJARAH TINGKATAN 4

Kertas 2

Mei

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan
5. Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Disediakan oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

(40 markah)

Jawab semua soalan

1. Tamadun Hwang Ho muncul daripada kesuburan tanah yang terdapat di Hwang Ho atau Sungai Kuning. Tamadun ini berkembang dengan ciri-ciri tersendiri dan memberi sumbangan kepada ketamadunan manusia dalam pelbagai aspek.

a) Nyatakan **satu** dinasti yang wujud dalam tamadun Hwang Ho.

.....
[1 markah]

b) Berikan **tiga** amalan keagamaan dan kepercayaan tamadun Hwang Ho.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

c) Nyatakan **tiga** sumbangan tamadun Hwang Ho dalam aspek ekonomi.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, senaraikan faktor kemajuan sesebuah tamadun.

(i)


(ii)

(iii)

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT



2 Rajah di atas menjelaskan tentang peningkatan tamadun Yunani, Rom, China dan India dalam aspek politik

(a) Senaraikan dua tokoh penakluk yang meluaskan kuasa dalam tamadun di atas.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan dua bentuk pemerintahan yang diamalkan dalam tamadun Yunani.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan dua prinsip undang-undang berasaskan falsafah legalisme dalam tamadun China.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Mengapakah terdapat dua orang konsul dalam sistem republik Rom?

.....

[1 markah]

(e) Bagaimanakah generasi hari ini boleh memelihara dan mempertingkatkan tamadun negara kita?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Mulai abad ketiga Masihi, Asia Tenggara mula menerima dan mengamalkan beberapa aspek kebudayaan India iaitu sistem kepercayaan, pentadbiran, kesenian dan kesusasteraan.

3. (a) Senaraikan dua cara kedatangan agama Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(b) Nyatakan tiga pengaruh Hindu Buddha dalam pemerintahan dan pentadbiran di Asia Tenggara.

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

(c) Senaraikan tiga kepentingan bahasa Sanskrit pada zaman kerajaan awal di Asia Tenggara

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pengaruh Hindu Buddha mudah tersebar di Asia Tenggara?

- (i)
- (ii) [2 markah]

KUINA UZ
abla ka
pnyat and

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Penyebaran Islam di Makkah dilakukan secara rahsia dan secara terbuka

4 (a) Nyatakan dua pihak yang menerima Islam secara rahsia

- (i)
- (ii)
[2 markah]

(b) Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w berdakwah secara rahsia?

- (i)
- (ii)
- (iii)
[3 markah]

(c) Mengapakah orang Arab Quraisy Makkah menentang dakwah Islamiah yang disebarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w?

- (i)
- (ii)
- (iii)
[3 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah nilai-nilai murni yang diterapkan dalam kehidupan masyarakat Arab setelah kedatangan Islam?

- (i)
- (ii)
[2 markah]

Bahagian B**[60 markah]****Jawab tiga soalan sahaja**

- 5 Tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir Purba adalah tamadun terawal yang telah wujud di dunia. Kedua-dua tamadun ini telah meninggalkan sumbangan yang sangat bermakna kepada ketamadun dan peradaban manusia.
- (a) Jelaskan sumbangan Tamadun Mesopotamia yang telah memberi manfaat kepada ketamadunan manusia hingga kini. [8 markah]
- (b) Terangkan sumbangan tamadun Mesir Purba dalam bidang sains dan teknologi. [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang boleh kita jadikan iktibar daripada perkembangan tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir Purba bagi mewujudkan satu bangsa yang berjaya? [4 markah]
- 6 Peningkatan sesebuah tamadun dilihat menerusi kemajuan yang dicapai dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.
- (a) Terangkan mengenai perluasan kuasa tamadun India semasa pemerintahan Dinasti Maurya. [6 markah]
- (b) Apakah kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam tamadun India? [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah pengajaran yang boleh dicontohi daripada Maharaja Asoka? [4 markah]
- 7 (a) Perihalkan mengenai binaan candi:
- (i) Candi Angkor Wat [4 markah]
- (ii) Candi Lembah Bujang [4 markah]
- (b) Mengapakah candi dibina oleh kerajaan-kerajaan awal Asia Tenggara. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah faktor kejayaan kerajaan awal di Asia Tenggara membina candi yang hebat? [6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

8. Nabi Muhammad s.a.w bukan sahaja seorang ketua keluarga yang penyayang malah pemimpin terbaik umat manusia
- (a) Ceritakan tentang kehidupan Nabi Muhammad s.a.w sebelum dilantik menjadi rasul. [8 markah]
- (b) Jelaskan sifat-sifat terpuji yang dimiliki oleh Nabi Muhammad s.a.w [8 markah]
- (c) Mengapakah sifat-sifat terpuji Nabi Muhammad s.a.w patut dipupuk dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita. [4 markah]
- Perjanjian Hudaibiyah menjadi perintis ke arah pembukaan semula Kota Makkah
9. (a) Nyatakan peristiwa yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah. [6 markah]
- (b) Nyatakan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam. [6 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan peristiwa pembukaan semula kota Makkah kepada perkembangan Islam. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT